

# Kerajaan tak dapat halang kilang elektronik buang pekerja - PM

UM 4 APR 1985

**K**UALA LUMPUR (P) April - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak dapat menahan kilang - kilang elektronik dari membuang pekerja mereka jika permintaan untuk bahan - bahan yang mereka keluarkan merosot.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, kerajaan akan mengkaji kesan pembuangan itu ke atas para pekerja.

Beliau menarik perhatian, peluang untuk mendapatkan pekerjaan lain wujud di negara ini dan para pekerja mestilah sanggup berpindah tempat kerja dan sanggup

juga untuk bekerja dalam persekitaran yang kurang selesa dari kilang - kilang elektronik.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian bila diminta mengulas langkah beberapa kilang elektronik di Pulau Pinang yang membuang pekerja mereka secara 'pemberhentian sukarela.'

Menurut Perdana Menteri kilang elektronik sering menghadapi masalah permintaan yang turun - naik.

"Biasanya bila ada permintaan yang banyak, sesiapapun sahaja boleh masuk bekerja tetapi jika permintaan menjadi kurang, reaksi me-

reka ialah mengurangkan pekerja.

"Jadi kita kena kaji kesannya terhadap pekerja. Kita juga perlu mewujudkan lain - lain peluang pekerjaan," kata beliau.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Pameran 100 Tahun Pewter Malaysia di Muzium Negara di sini petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Kerajaan tidak boleh memaksa kilang - kilang berkenaan terus mengambil pekerja - pekerja jika tidak ada pasaran."

Ditanya sama ada pembuangan pekerja dan penu-

tupan kilang - kilang elektronik merupakan helah syarikat - syarikat luar negeri setelah mengaut keuntungan di negara ini, Perdana Menteri berkata:

"Saya tidak fikir kalau mereka boleh terus mendapat keuntungan, kilang - kilang yang didirikan di sini akan ditutup."

"Tidak banyak negara yang mereka (pelabur - pelabur luar) boleh pergi. Negara - negara lain iklimnya tidak begitu baik untuk industri perkilangan."

Oleh yang demikian, kata beliau, kalau boleh dan dibenarkan dari segi keuntungan, kilang - kilang itu

akan terus menjalankan perniagaannya di sini.

Perdana Menteri menambah, adalah menjadi satu pengetahuan umum permintaan ke atas "microchips" sudah berkurangan sekarang.

Menurut satu laporan dari Pulau Pinang semalam, sebuah kilang elektronik terbesar di negara ini sedang mengambil langkah membuang pekerja - pekerjaannya melalui langkah yang disifatkan oleh mereka sebagai 'pemberhentian sukarela.'

Laporan itu menyatakan kilang berkenaan akan mengurangkan pekerjaannya dari 2,600 orang di Pulau Pinang kepada 2,000 orang dan mengurangkan 400 orang pekerja lagi di Kota Bharu.

Sementara itu, beberapa buah kilang di kawasan perindustrian Bayan Baharu dan Bayan Lepas juga dilaporkan telah mengurangkan pekerjaannya dan sebuah kilang lagi menghadkan waktu bekerja kepada empat hari seminggu.

Langkah tersebut telah menimbulkan dilema kepada beribu - ribu orang pekerja kilang elektronik sekarang.